

01 APR 2004

Mahathir-UTP

MALAYSIA JADI PENGUSAHA PETROLEUM KERANA MILIKI ILMU

BANDAR SERI ISKANDAR, 1 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berjaya menjadi pengusaha petroleum antarabangsa terkenal kerana pendekatan kebijakannya menuntut dan menguasai ilmu, teknologi dan kecekapan berkaitan industri itu.

Katanya Malaysia tidak mengambil jalan mudah dengan membiarkan orang lain mengeluarkan minyak dan negara ini setakat mengutip hasil daripadanya sahaja.

"Oleh kerana pendekatan ini, walaupun kita hanya memiliki simpanan minyak yang agak sedikit, tetapi kita berjaya memasuki bidang ini sebagai pengusaha antarabangsa yang terkenal," katanya pada majlis pelantikannya sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Kampus UTP di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Petronas, turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan dan Teknologi pada Konvokesyen Khas sempena pelantikan itu.

Turut hadir ialah isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali serta dua Pro Canselor UTP, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Dr Mahathir berkata keadaan ini berbeza dengan beberapa negara lain yang dikurniakan dengan aneka jenis bahan semulajadi tetapi penduduknya tidak mendapat apa-apa nikmat kerana ketiadaan ilmu pengetahuan, sebaliknya bergantung kepada orang lain untuk meneroka hasil itu.

Katanya peluang untuk menguasai ilmu bagi mendirikan tamadun yang tinggi dan canggih kini terbuka kepada semua dan ini jelas dengan pembukaan 17 universiti kerajaan berbanding lima buah sahaja pada satu masa dulu.

"Universiti ini (UTP) adalah satu daripada hasil sampingan industri

yang penting - industri minyak petrol. Industri ini tidak mungkin diadakan tanpa ilmu dan pengetahuan berkenaan kejuruteraan, geologi, matematik dan lain-lain disiplin," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berharap UTP akan menyumbang kepada kecekapan dan pengetahuan negara ini dalam industri galian dan membolehkan pelajar luar negeri membantu negara mereka menikmati kekayaan semulajadi di negara masing-masing.

Beliau juga berkata buat pertama kalinya semua masyarakat berpeluang mengajar ilmu untuk meningkatkan tamadun pada masa yang sama berikutan era pembelajaran yang tiada batasan, terutama dengan kemudahan internet dan sistem penulisan yang universal,

"Semua masyarakat terpaksa bermula bersama kita. Bagi mereka sistem ini sama baru seperti ianya kepada kita. Mereka tidak jauh ke hadapan sehingga sukar bagi kita mengejar mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ia boleh direalisasikan menerusi sistem penulisan yang lebih mudah, iaitu hanya dua huruf atau simbol - satu dengan sifar dalam sistem binary (perduaan) yang menggantikan huruf rumi berjumlah 26 dan angka satu hingga 10.

Katanya melalui dua simbol atau huruf ini, manusia dapat berhubung dan menyebarkan ilmu dengan mudah dan lebih luas, bukan sahaja perkataan dengan maknanya tetapi juga bunyi-bunyian dan warna dalam semua dimensi.

"Benar membaca tulisan binary tidak semudah membaca tulisan jawi atau rumi, tetapi alat elektronik boleh membaca sistem binary untuk kita dan menterjemahnya supaya kita dapat faham dalam bahasa yang kita mahir," katanya.

Menurut Dr Mahathir, ternampak jelas bahawa semakin mudah dan semakin kurang jumlah huruf dan angka, semakin mudah perkataan dan ilmu disebar dan semakin maju dan meningkat sesuatu tamadun.

"Ini bermakna masyarakat yang berjaya mencipta tulisan yang berkurangan hurufnya, akan menjadi masyarakat yang lebih terpelajar dan berilmu," katanya.

-- BERNAMA
AR LAT